

13/01/1997

Tiga sekolah gagal disiapkan

Nasir Hassan; Ibrahim Muhamad; Ziauddin Sharuddin

KUALA LUMPUR, Ahad - Sekurang-kurangnya dua negeri di pantai timur Semenanjung masih menghadapi kesukaran meneruskan persekolahan berikutan projek pembinaan bangunan sekolah gagal dilaksanakan mengikut jadual.

Kelewatan projek pembinaan Sekolah Menengah Chalok (SMC) Setiu menyebabkan lebih 700 pelajar baru masih menumpang di Sekolah Menengah Tengku Ibrahim sejak sesi persekolahan bermula awal tahun ini.

Pengarah Pendidikan Terengganu, Datuk Rahim Tahir, berkata pihaknya akan mengadakan rundingan dengan Jabatan Kerja Raya (JKR) bagi memastikan projek itu disiapkan dalam tempoh yang singkat.

"Jabatan menganggap masalah sekolah tidak siap mengikut jadual adalah serius kerana ia menjejaskan program yang diatur seperti penempatan guru dan murid," katanya di Kuala Terengganu hari ini.

Menurutnya, penempatan sementara di sekolah lain boleh mengganggu keselesaan dan menjejaskan pentadbiran sekolah terbabit. Sehingga kini, masalah perabot untuk sekolah di negeri itu kurang mendesak walaupun keperluan tetap ada.

Isu kelewatan pemaju menyiapkan projek pembinaan sekolah turut menarik Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad awal minggu lalu apabila beliau membidas kontraktor terbabit kerana gagal menyiapkan projek mengikut jadual.

DI KOTA BHARU, 240 pelajar Sekolah Menengah Sultan Yahya Petra (II), Kuala Krai masih ditempatkan di bangunan sementara Sekolah Menengah Sultan Yahya I kerana pembinaan bangunan sekolah itu belum siap sepenuhnya.

Pengarah Pendidikan Kelantan, Zorkarnain Abdul Rahman, berkata projek membina bangunan Sekolah Menengah Sultan Yahya Petra (II) masih dikendalikan kontraktor terbabit walaupun semua peralatan sekolah itu sudah sampai.

"Seramai 240 pelajar sekolah itu menumpang di bangunan sementara Sekolah Menengah Sultan Yahya (I) yang terletak berhampiran sekolah itu," katanya yang yakin masalah itu dapat diselesaikan tidak lama lagi.

Beliau berkata, jabatan itu turut menghadapi masalah mendapatkan guru yang sedia berkhidmat di kawasan pedalaman kerana kebanyakan guru terutama lepasan maktab perguruan tidak berminat untuk bertugas di kawasan pedalaman.

"Sikap ini sudah lama menjangkiti guru muda dan jabatan sedang berusaha mengubahnya bagi memastikan ia tidak menjejaskan mutu pendidikan di kawasan terbabit," katanya.

DI SEREMBAN, Sekolah Menengah Serting Hilir di Jempol menghadapi masalah kekurangan perabot ketika sesi persekolahan bermula 6 Januari lalu.

Sekolah itu tidak mempunyai meja menyebabkan kira-kira 350 pelajar terpaksa belajar dengan duduk di kerusi. Ia adalah antara empat sekolah di daerah itu yang lewat disiapkan berikutan masalah kontraktor.

Pengarah Pendidikan negeri, Dr Azmi Zakaria, berkata bekalan meja tiba pada hari kedua persekolahan dan pelajarinya boleh belajar dengan selesa.

Menurutnya, bekalan meja lewat tiba kerana sekolah itu diserahkan kepada Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan (JPJS) akhir bulan lalu, menyebabkan bekalan perabot lewat diterima.

(END)